



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Tarikh kuatkuasa: 12 Ogos 2022

**GARIS PANDUAN KEPADA BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN
GUIDELINES NO. SYAFI/G/03/2022**

PIAWAIAN SYARIAH WAKALAH



Isi Kandungan

1. PENGENALAN.....	3
2. DEFINISI.....	4
3. DEFINISI DAN KEHARUSAN KONTRAK WAKALAH.....	5
4. SYARAT- SYARAT KONTRAK WAKALAH.....	6
5. CIRI-CIRI KONTRAK WAKALAH.....	7
6. JENIS-JENIS KONTRAK WAKALAH.....	8
7. PENYATUAN KONTRAK WAKALAH DENGAN KONTRAK SYARIAH LAIN.....	9
8. PEMBUBARAN KONTRAK WAKALAH.....	11
9. PENAMATAN KONTRAK WAKALAH.....	11
LAMPIRAN 1: CONTOH KONTRAK WAKALAH DI DALAM DEPOSIT.....	12
LAMPIRAN 2: KONTRAK WAKALAH DI DALAM TAKAFUL.....	13
LAMPIRAN 3: SUKUK WAKALAH.....	15
LAMPIRAN 4: PENYATUAN KONTRAK WAKALAH DAN KONTRAK JUAL-BELI.....	17
LAMPIRAN 5: WAKALAH BI AL-ISTITHMAR.....	19
LAMPIRAN 6: TABARRU', MUDHARABAH, DAN WAKALAH.....	21



1. PENGENALAN

- 1.1 Garis panduan ini dikeluarkan di bawah bab 32 Brunei Darussalam Central Bank Order, 2010 dan terpakai untuk Bank dan Institusi Kewangan.
- 1.2 Garis panduan ini adalah bertujuan menjadi rujukan dalam mewujudkan amalan terbaik dalam menstruktur produk kewangan yang menggunakan kontrak *Wakalah* serta menjaga kepentingan pengguna.
- 1.3 Bank dan Institusi Kewangan yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam hendaklah mematuhi dasar-dasar yang dinyatakan di dalam garis panduan ini.
- 1.4 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama notis dan garis panduan lain yang telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa iaitu:
 - 1.4.1 Notice on Application Process of Islamic Product [SYAFI/N/01/2022];
 - 1.4.2 Notice dan Guidelines on Syariah Governance Framework for Financial Institutions [IFAU/N/1/2018]; dan
 - 1.4.3 Notice dan Guidelines on Internal Syariah Audit Framework for Financial Institutions [IFAU/N/2/2018 and IFAU/G/3/2018].
- 1.5 Garis panduan ini adalah tidak terhad dan boleh dikemaskini dari masa ke masa mengikut kesesuaian yang difikirkan oleh Pihak Berkuasa.
- 1.6 Mana-mana isu baru yang tidak terkandung dalam garis panduan ini hendaklah dirujuk kepada Hukum *Syara'*.
- 1.7 Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Piawaian Syariah Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, maka Piawaian Syariah Bahasa Melayu adalah terpakai.
- 1.8 Garis panduan ini berkuatkuasa pada 14 Muharram 1444 / 12 Ogos 2022.

2. DEFINISI

- 2.1 Bagi tujuan garis panduan ini:
- 2.1.1 “Badan Penasihat Syariah” bermaksud badan yang ditubuhkan di bawah keperluan:
- (a) bab 8(2)(g) Perintah Perbankan Islam, 2008;
 - (b) bab 10(1)(e) Perintah Takaful, 2008;
 - (c) bab 23(2) Perintah Pasaran Sekuriti, 2013;
 - (d) bab 14 Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei [Penggal 163]; dan
 - (e) bab 6(2)(g) Akta Syarikat Pembiayaan [Penggal 89];
- 2.1.2 “Bank” mempunyai makna yang sama di bawah bab 2 Brunei Darussalam Central Bank Order, 2010;
- 2.1.3 “*Hibah*” bermaksud pemberian sesuatu harta hak kepunyaan pemberi *hibah* yang dibuat semasa hayatnya secara sukarela kepada penerima *hibah* tanpa apa-apa imbalan;
- 2.1.4 “Hukum Syara” mempunyai makna yang sama di bawah bab 2 Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, 2006;
- 2.1.5 “*Ijab*” bermaksud ucapan tawaran;
- 2.1.6 “*Ijma*” bermaksud kesepakatan para *mujtahid* dari umat Nabi Muhammad *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* pada suatu masa setelah wafat Baginda terhadap hukum sesuatu menurut *Syara*’;
- 2.1.7 “Institusi kewangan” mempunyai makna yang sama di bawah bab 2 Brunei Darussalam Central Bank Order, 2010 termasuk Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei [Penggal 163].;
- 2.1.8 “*Kaafil*” bermaksud penjamin;
- 2.1.9 “*Mudharabah*” bermaksud kontrak perkongsian antara *Rabbul Mal* dan *Mudharib* yang mana *Rabbul Mal* akan menyediakan modal kepada usaha niaga yang akan diuruskan oleh *Mudharib*;
- 2.1.10 “*Mudharib*” bermaksud usahawan dalam urus niaga *Mudharabah*;
- 2.1.11 “*Muwakkil*” bermaksud pihak yang mewakilkan;



- 2.1.12 “Pihak Berkuasa” Brunei Darussalam Central Bank yang ditubuhkan di bawah bab 3[1] dari Brunei Darussalam Central Bank Order, 2010;
- 2.1.13 “*Qabul*” bermaksud ucapan penerimaan;
- 2.1.14 “*Rabbul mal*” bermaksud pemberi modal;
- 2.1.15 “*Special Purpose Vehicle (SPV)*” bermaksud sebuah entiti yang ditubuhkan oleh obligor dan mempunyai status perundangan tersendiri serta mempunyai aset dan liabiliti. “*SPV*” adalah digunakan di dalam garis panduan ini;
- 2.1.16 “*Sukuk*” bermaksud sijil yang menunjukkan pemilikan atau pelaburan ke atas aset yang patuh *Syara*’;
- 2.1.17 “*Tabarru*” bermaksud derma atau sumbangan takaful yang didermakan ke dalam satu tabung produk takaful [dana risiko/ dana takaful] bagi membantu para peserta takaful yang ditimpa musibah;
- 2.1.18 “*Takaful*” mempunyai makna yang sama sebagaimana bab 2[1] Perintah Takaful, 2008;
- 2.1.19 “*Wakalah Bi al-Istithmar*” bermaksud kontrak *Wakalah* bagi tujuan pelaburan;
- 2.1.20 “*Wakalah Bi al-Ujrah*” bermaksud kontrak *Wakalah* dengan upah;
- 2.1.21 “*Wakalah Muthlaqah*” bermaksud kontrak *Wakalah* di mana *Wakeel* dilantik oleh *Muwakkil* bagi menjalankan tugas tertentu tanpa ada sebarang had atau syarat;
- 2.1.22 “*Wakalah Muqayyadah*” bermaksud kontrak *Wakalah* di mana *Wakeel* dilantik oleh *Muwakkil* bagi menjalankan tugas dengan ditentukan had atau syarat oleh *Muwakkil*; dan
- 2.1.23 “*Wakeel*” bermaksud seseorang yang menjalankan urusan perniagaan bagi pihak yang lain, sama ada dengan upah ataupun tanpa upah.

3. DEFINISI DAN KEHARUSAN KONTRAK WAKALAH

Definisi kontrak *Wakalah*

- 3.1 Kontrak *Wakalah* adalah kontrak agensi di mana satu pihak, *Muwakkil* akan melantik pihak yang lain sebagai *Wakeel* dalam melaksanakan sesuatu transaksi bagi pihaknya. Kontrak tersebut boleh dilaksanakan dengan upah atau tanpa upah.
- 3.2 Rajah aliran bagi kontrak *Wakalah* adalah sebagaimana di **Lampiran 1**.



Keharusan kontrak Wakalah

3.3 Keharusan kontrak Wakalah adalah berdasarkan Al-Qur'an, Hadith dan *Ijma'*.

3.4 Al-Qur'an:

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا
إِصْلَاحًا يُوْفِقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْمًا خَبِيرًا

"Dan jika kamu takut persengketaan [yang berterusan] antara kedua-duanya [suami isteri] maka lantiklah hakam (orang tengah yang adil untuk mendamaikan mereka), seorang daripada keluarga suami dan seorang daripada keluarga isteri. Jika kedua-dua hakam hendak mendamaikan, nescaya Allah akan memberi taufiq kepada kedua-duanya (sama ada berbaik-baik semula ataupun bercerai). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti. [Surah An-Nisa:35]

3.5 Hadith:

عَنْ عُرْوَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطَاهُ دِينَارًا يَشْتَرِي لَهُ شَاءَ
فَأَشْتَرَى لَهُ شَائِئِنْ فَبَاعَ إِحْدَاهُمَا بِدِينَارٍ فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
بِدِينَارٍ وَشَاءَ فَدَعَاهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْبَرَكَةِ . قَالَ فَكَانَ
لَوْ اشْتَرَى التُّرَابَ لَرَبَحَ فِيهِ .

"`Urwah meriwayatkan bahawa sesungguhnya Nabi Shallallahu `alaihi wa sallam telah [mewakilkannya dengan] memberinya satu dinar supaya dibelikan untuk Baginda Shallallahu `alaihi wa sallam seekor kambing, maka dia telah membeli untuk Baginda Shallallahu `alaihi wa sallam dua ekor kambing dan menjual seekor daripadanya dengan harga satu dinar. Lalu dia datang kepada Nabi Shallallahu `alaihi wa sallam dengan menyerahkan wang satu dinar dan seekor kambing, lalu Rasulullah Shallallahu `alaihi wa sallam mendoakan baginya keberkatan, Baginda Shallallahu `alaihi wa sallam bersabda: jika dia membeli tanah sekalipun pasti dia akan beroleh keuntungan." (Sahih Bukhari: 3642, Sunan Abi Daud: 3386, Jami' at-Tirmidzi: 1258).

3.6 *Ijma'*

Ulama bersepakat mengenai keharusan kontrak Wakalah.

4. SYARAT- SYARAT KONTRAK WAKALAH

Pihak-pihak yang berkontrak

4.1 Pihak-pihak yang berkontrak bagi kontrak Wakalah adalah Muwakkil dan Wakeel.

4.2 Mana-mana pihak yang berkontrak termasuk badan korporat, syarikat, badan berkanun, atau persatuan hendaklah mempunyai kompetensi dalam memeterai setiap kontrak menurut Hukum Syara' dan undang-undang Brunei Darussalam.



- 4.3 *Muwakkil* hendaklah membenarkan *Wakeel* untuk membuat sebarang transaksi bagi pihaknya sebagaimana keperluan kontrak *Wakalah* beserta keterangan yang jelas mengenai tugas, tempoh masa, upah dan lain-lain bagi mengelakkan ketidakpastian.
- 4.4 *Muwakkil* boleh melantik lebih dari seorang *Wakeel* dalam kontrak *Wakalah*.
- 4.5 Kesemua *Wakeel* yang dilantik hendaklah melaksanakan tugasnya sebagaimana yang ditetapkan dan mana-mana keputusan hendaklah dibuat berdasarkan persetujuan semua *Wakeel* kecuali jika *Muwakkil* memberi kuasa kepada salah seorang *Wakeel* untuk membuat sebarang keputusan.
- 4.6 *Wakeel* boleh melantik sub-*Wakeel* untuk bertindak bagi pihaknya dengan syarat *Muwakkil* memberi kebenaran kepada sub-*Wakeel* yang dilantik oleh *Wakeel* tersebut.

Ijab* dan *Qabul

- 4.7 Kontrak *Wakalah* terlaksana sebaik sahaja berlakunya *Ijab* dan *Qabul*, tertakluk kepada Hukum Syara' dan undang-undang Negara Brunei Darussalam.
- 4.8 *Ijab* dan *Qabul* boleh dinyatakan melalui percakapan, tulisan (dokumentasi) atau mana-mana kaedah lain yang boleh menyatakan sebuah kontrak.

Perkara atau objek yang diakadkan

- 4.9 Perkara atau objek yang diakadkan dalam kontrak *Wakalah* hendaklah patuh Syara' dan diketahui serta diterima oleh *Wakeel*.

5. CIRI-CIRI KONTRAK WAKALAH

Tanggungjawab *Muwakkil*

- 5.1 *Muwakkil* hendaklah menanggung mana-mana kerugian dan liabiliti setelah *Wakeel* menjalankan tugasnya sebagaimana yang ditentukan di dalam kontrak *Wakalah*.
- 5.2 *Muwakkil* hendaklah menanggung semua kos perbelanjaan di dalam pelaksanaan kontrak *Wakalah* seperti cukai, kos pengangkutan, logistik, dan kos-kos yang berkaitan.
- 5.3 Merujuk perenggan 5.2 di atas, *Muwakkil* hendaklah membayar balik kos perbelanjaan yang dikeluarkan oleh *Wakeel* sekiranya *Wakeel* membayar kos-kos tersebut.

Tanggungjawab *Wakeel*

- 5.4 *Wakeel* hendaklah menjalankan tugas sebagaimana yang ditentukan di dalam kontrak *Wakalah*.
- 5.5 *Wakeel* adalah bertanggungjawab dan hendaklah membayar ganti rugi bagi mana-mana kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh salah laku, kecuanian atau pelanggaran mana-mana klausa yang terdapat di dalam terma dan syarat termasuk kos kerugian sebenar yang ditanggung oleh *Muwakkil*.



- 5.6 Merujuk perenggan 5.5 di atas, *Wakeel* hendaklah memaklumkan kepada *Muwakkil* jika pelanggaran tersebut menghasilkan keuntungan.

6. JENIS-JENIS KONTRAK WAKALAH

Wakalah bi al-Ujrah

- 6.1 Bagi kontrak *Wakalah bi al-Ujrah*, kadar upah *Wakalah* hendaklah dinyatakan.
- 6.2 Kadar upah *Wakalah* boleh ditentukan dalam bentuk sama ada jumlah yang tetap atau mengikut peratusan dari penanda aras tertentu atau mengikut kadar pasaran semasa.
- 6.3 Kadar upah *Wakalah* boleh dibayar sama ada pada permulaan kerja atau projek, secara berkala, selepas perlaksanaan atau apa jua cara yang dipersetujui oleh *Muwakkil* dan *Wakeel*.
- 6.4 *Muwakkil* boleh memberikan upah prestasi kepada *Wakeel* sekiranya kadar pulangan pelaburan melebihi kadar jangkaan atau melebihi penanda aras. Oleh yang demikian, *Wakeel* tidak berhak mengambil mana-mana bahagian dari keuntungan tersebut tanpa kebenaran daripada *Muwakkil*.
- 6.5 Jika *Muwakkil* berhasrat untuk menamatkan kontrak *Wakalah* sebelum tamat tempoh matang:
- 6.5.1 Jika tanpa ada alasan kukuh, maka *Wakeel* berhak menerima kesemua jumlah upah *Wakalah*;
- 6.5.2 Jika dengan alasan kukuh, maka *Wakeel* berhak menerima jumlah upah *Wakalah* berdasarkan kerja yang telah dijalankan.
- 6.6 *Wakeel* boleh untuk tidak mengenakan sebarang upah.

Wakalah dalam takaful

- 6.7 Dalam operasi takaful, pengendali takaful sebagai *Wakeel* boleh menerima upah *Wakalah* dalam mengurus dana takaful dan upah prestasi dalam kapasitinya sebagai *Wakeel*.
- 6.8 Rajah aliran kontrak *Wakalah* dalam operasi takaful adalah sebagaimana di **Lampiran 2**.

Sukuk Wakalah

- 6.9 Bagi Sukuk yang distruktur mengikut kontrak *Wakalah*, aset pendasar boleh terdiri daripada aset ketara (*tangible asset*) dan aset tidak ketara (*intangible asset*) dengan syarat nisbah aset ketara (*tangible asset*) hendaklah mendapatkan pengesahan Badan Penasihat Syariah.
- 6.10 Penerbit Sukuk *Wakalah* hendaklah menggantikan aset pendasar serta merta jika aset pendasar menjadi tidak patuh *Syara'*.



- 6.11 Pulangan Sukuk *Wakalah* boleh dilakukan secara berkala atau mengikut tempoh yang dipersetujui semasa tempoh berjalannya Sukuk *Wakalah*.
- 6.12 Rajah aliran Sukuk *Wakalah* adalah sebagaimana di **Lampiran 3**.

Tasarruf Fuduli

- 6.13 *Tasarruf Fuduli* berlaku apabila:
 - 6.13.1 *Wakeel* melantik sub-*Wakeel* tanpa kebenaran *Muwakkil*; atau
 - 6.13.2 *Wakeel* yang dilantik melaksanakan perkara yang lain daripada apa yang diwakilkan oleh *Muwakkil*; atau
 - 6.13.3 *Wakeel* melaksanakan kerja selepas *Muwakkil* menarik perwakilannya.
- 6.14 Jika *Tasarruf Fuduli* berlaku, *Muwakkil* boleh mengiktiraf atau menolak:
 - 6.14.1 Bagi perenggan 6.13.1, mana-mana transaksi yang telah dijalankan oleh sub-*Wakeel*;
 - 6.14.2 Bagi perenggan 6.13.1 dan 6.13.2, mana-mana transaksi yang dijalankan oleh *Wakeel*.
- 6.15 Jika *Muwakkil* menolak mana-mana transaksi:
 - 6.15.1 Mana-mana transaksi yang telah dijalankan menjadi batal;
 - 6.15.2 Sub-*Wakeel* atau *Wakeel* yang dilantik bagi para 6.13.1 dan 6.13.2 hendaklah memulangkan semula jumlah wang yang digunakan bagi sebarang transaksi; dan
 - 6.15.3 Sub-*Wakeel* atau *Wakeel* yang dilantik hendaklah bertanggungjawab bagi sebarang transaksi.

7. PENYATUAN KONTRAK WAKALAH DENGAN KONTRAK SYARIAH LAIN

Penyatuan kontrak *Wakalah* dan kontrak jual-beli

- 7.1 Bagi kontrak *Wakalah Muthlaqah* yang digunakan dalam kontrak jual-beli:
 - 7.1.1 *Wakeel* hendaklah menjual aset dengan harga pasaran jika *Muwakkil* tidak menetapkan harga jualan.
 - 7.1.2 *Wakeel* tidak dipertanggungjawabkan jika berlaku apa-apa kerosakan terhadap aset kecuali jika berlaku salah laku atau kecuaian.



- 7.2 Rajah aliran kontrak Wakalah dengan kontrak jual-beli adalah sebagaimana di **Lampiran 4**.

Wakalah bi al-Istithmar

- 7.3 Bagi Wakalah *bi al-Istithmar*, jumlah dan tempoh pelaburan hendaklah ditentukan pada permulaan pelaburan dan cara pembayaran boleh ditentukan sama ada sekali bayaran atau secara berkala, atau mengikut cara yang dipersetujui bersama antara Muwakkil dan Wakeel.
- 7.4 Wakeel tidak dibenarkan menjamin modal atau pulangan Wakalah *bi al-Istithmar*.
- 7.5 Jika berlaku salah laku, kecuaian atau pelanggaran kontrak yang menyebabkan pulangan lebih rendah daripada jangkaan pulangan indikatif yang dipersetujui, Wakeel hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut kepada Muwakkil:
- 7.5.1 Membayar semula modal pelaburan;
 - 7.5.2 Membayar keuntungan yang diperolehi sehingga tarikh berlakunya pelanggaran tersebut; dan
 - 7.5.3 Membayar ganti rugi terhadap kos sebenar kerugian yang ditanggung oleh Muwakkil.
- 7.6 Jika pelanggaran kontrak Wakalah *bi al-Istithmar* menyebabkan keuntungan yang lebih tinggi dari kadar jangkaan, maka Wakeel boleh menerima upah prestasi.
- 7.7 Wakeel boleh melantik pihak ketiga, yang tiada kaitan dengan aktiviti pelaburan sebagai *Kaafil* dengan tujuan mengurangkan risiko. Lantikan tersebut hendaklah dibuat pada dokumen perjanjian yang berasingan.
- 7.8 Mengadakan rizab adalah dibenarkan sama ada dengan meletakkan peratusan daripada pulangan atau keuntungan daripada aktiviti pelaburan dengan syarat ada kebenaran daripada Muwakkil dan diuruskan oleh Wakeel.
- 7.9 Merujuk perenggan 7.8 di atas, rizab hendaklah dipulangkan kepada Muwakkil pada tarikh matang Wakalah *bi al-Istithmar* kecuali Muwakkil melepaskan haknya dan membuat keputusan untuk memberikannya kepada Wakeel sebagai upah prestasi.
- 7.10 Rajah aliran kontrak Wakalah *bi al-Istithmar* adalah sebagaimana di **Lampiran 5**.

Tabarru', Mudharabah dan Wakalah

- 7.11 Pelaksanaan kontrak Tabarru', Mudharabah dan Wakalah pada kebiasannya digunakan di dalam operasi takaful bagi produk simpanan.
- 7.12 Rajah aliran pelaksanaan kontrak-kontrak tersebut adalah sebagaimana di **Lampiran 6**.



8. PEMBUBARAN KONTRAK WAKALAH

- 8.1 Kontrak *Wakalah* boleh dibubarkan dalam keadaan-keadaan berikut:
 - 8.1.1 Kematian atau kehilangan kompetensi *Muwakkil*;
 - 8.1.2 Kematian atau kehilangan kompetensi *Wakeel*;
 - 8.1.3 *Muwakkil* dan *Wakeel* setuju untuk menamatkan kontrak *Wakalah*;
 - 8.1.4 *Muwakkil* tidak lagi mempunyai hak terhadap aset;
 - 8.1.5 *Muwakkil* memilih untuk menamatkan kontrak *Wakalah* disebabkan berlakunya kecuaian atau salah laku atau pelanggaran terma dan syarat tertentu di dalam kontrak *Wakalah* oleh *Wakeel*; dan
 - 8.1.6 *Wakeel* menarik diri disebabkan pelanggaran terma dan syarat tertentu di dalam kontrak *Wakalah* oleh *Muwakkil*.

9. PENAMATAN KONTRAK WAKALAH


- 9.1 Kontrak *Wakalah* adalah dikira tamat dalam keadaan-keadaan berikut:
 - 9.1.1 Apabila kesemua kewajipan dalam kontrak *Wakalah* telah dipenuhi; dan
 - 9.1.2 Sampai tarikh matang yang dipersetujui oleh pihak-pihak berkontrak.

**PENGARAH URUSAN
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK**

Tarikh dikeluarkan: 14 Muharram 1444 / 12 Ogos 2022




LAMPIRAN 1: CONTOH KONTRAK WAKALAH DI DALAM DEPOSIT



Bil.	Keterangan
1	<p>Pelanggan akan memeterai kontrak <i>Wakalah</i> dengan Bank atau Institusi Kewangan dan menyimpan wang dalam Bank atau Institusi Kewangan. Perjanjian <i>Wakalah</i> mengandungi perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pelanggan melantik Bank atau Institusi Kewangan sebagai <i>Wakeel</i> dan mengamanahkan <i>Wakeel</i> untuk melaburkan wang deposit ke pelaburan patuh <i>Syara'</i>. b) Tertakluk kepada terma dan perjanjian, Bank atau Institusi Kewangan bersetuju menjadi <i>Wakeel</i> pelanggan untuk menggunakan dana dari deposit bagi transaksi patuh <i>Syara'</i> dan menawarkan kepada pelanggan kadar keuntungan jangkaan daripada pelaburan dana tersebut.
2	Bank atau Institusi Kewangan akan menggunakan jumlah deposit bagi transaksi yang patuh <i>Syara'</i> dan memberikan keuntungan (jika ada).
3	Pelanggan akan menerima jumlah deposit bersama dengan keuntungan (jika ada) yang diperolehi daripada kadar pulangan jangkaan dari pelaburan.



LAMPIRAN 2: KONTRAK WAKALAH DI DALAM TAKAFUL




Bil.	Keterangan
1	Sumbangan takaful diterima daripada peserta takaful dengan melanggan produk takaful melalui borang cadangan.
2	x% daripada sumbangan takaful akan diambil sebagai upah Wakalah pengendali takaful yang menjadi Wakeel kepada peserta untuk menguruskan dana takaful.
3	Upah Wakalah sebanyak x% tadi akan dikreditkan ke dalam Dana Pemegang Saham untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan syarikat bagi mentadbir, mengurus, membuat pelaburan patuh Syara' dan mengagihkan tuntutan kepada peserta-peserta yang layak.



4	Manakala lebihan sumbangan takaful yang diterima akan didermakan ke dalam dana takaful sebagai <i>Tabarru'</i> bagi tujuan membantu peserta-peserta yang layak di dalam kumpulan sijil takaful yang sama.
5	Sumbangan <i>Tabarru'</i> tadi akan dikreditkan ke dalam dana takaful dan akan digunakan untuk membayar manfaat takaful jika berlaku tuntutan tertakluk kepada terma dan syarat yang terdapat di dalam sijil takaful.
6	Pengendali takaful akan melaburkan dana takaful tersebut ke pelaburan patuh <i>Syara'</i> yang diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah pengendali takaful. Mana-mana pulangan akan dikreditkan semula ke dana takaful.
7	Pembayaran tuntutan, rizab tuntutan, perbelanjaan retakaful, dan pembatalan sijil adalah merupakan proses dan perbelanjaan operasi yang ditanggung oleh dana takaful.
8	Semua perbelanjaan yang terdapat di perenggan 7 di atas akan ditolak daripada dana takaful untuk menentukan lebihan bersih dana tersebut (jika ada).
9	Lebihan bersih dari dana takaful (jika ada) akan diagihkan kepada peserta takaful sebagai <i>Hibah</i> sebagaimana diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah pengendali takaful.
10	Peserta boleh memberi lebihan keuntungan kepada pengendali takaful sebagai upah prestasi dalam menguruskan dana takaful.



LAMPIRAN 3: SUKUK WAKALAH




Bil.	Keterangan
1	Obligor akan menjual hak manfaat aset sandaran Sukuk Wakalah kepada Special Purpose Vehicle [SPV].
2	SPV akan menerbitkan Sukuk Wakalah yang menunjukkan pemilikan atau hak ke atas aset sandaran Sukuk Wakalah.
3	Pelabur akan diberikan hak melanggan Sukuk Wakalah yang diterbitkan oleh SPV dengan membayar harga terbitan.
4	SPV akan membayar obligor menggunakan bayaran daripada penerbitan Sukuk Wakalah dengan membeli hak manfaat aset sandaran portfolio Sukuk Wakalah.



5	Penerbit SPV akan memeterai kontrak <i>Wakalah</i> dengan ejen pelaburan untuk menguruskan aset sandaran dalam tempoh program selaras dengan mandat pelaburan yang ditetapkan.
6	Pada tarikh matang Sukuk <i>Wakalah</i> atau jika berlakunya kemungkiran, ejen pelaburan akan memindahkan hak manfaat portfolio Sukuk <i>Wakalah</i> kepada penerbit SPV.
7	<i>Obligor</i> akan melaksanakan janji pembelian (<i>purchase undertaking</i>) untuk membeli hak manfaat portfolio <i>Wakalah</i> daripada penerbit SPV pada harga pelaksanaan (<i>exercise price</i>).
8	Penerbit SPV akan membayar jumlah penebusan kepada pelabur.



LAMPIRAN 4: PENYATUAN KONTRAK WAKALAH DAN KONTRAK JUAL-BELI



Keterangan:

- > Aliran Tunai
- > Aliran Aset

Bil.	Keterangan
1	Pelanggan memohon pembiayaan daripada Bank atau Institusi Kewangan dengan menggunakan kontrak <i>Murabahah</i> .
2	Bank atau Institusi Kewangan akan melantik pelanggan selaku <i>Wakeel</i> untuk membuat sebut harga kepada Bank atau Institusi Kewangan.
3	Bank atau Institusi Kewangan akan membeli aset patuh <i>Syara'</i> daripada pembekal.
4	Pembekal akan menjual aset patuh <i>Syariah</i> tersebut kepada Bank atau Institusi Kewangan.




Piawaian Syariah Wakalah

5	Bank atau Institusi Kewangan akan menerangkan harga asal beserta keuntungan kepada pelanggan.
6	Pembekal akan menyerahkan aset tersebut kepada pelanggan.
7	Pelanggan akan membayar Bank atau Institusi Kewangan sama ada secara lani atau bertangguh.
8	Bank atau Institusi Kewangan akan memberikan hak milik aset tersebut kepada pelanggan apabila pelanggan membayar harga penuh.



LAMPIRAN 5: WAKALAH BI AL-ISTITHMAR




Bil.	Keterangan
1	Pelanggan akan memeterai kontrak <i>Wakalah</i> dengan Bank atau Institusi Kewangan dan melantik Bank atau Institusi Kewangan sebagai <i>Wakeel</i> untuk melaburkan deposit mereka ke dalam pelaburan patuh <i>Syara'</i> .
2	Pelanggan akan membuat deposit kepada Bank atau Institusi Kewangan.
3	Bank atau Institusi Kewangan akan mengeluarkan sijil simpanan atau sijil pelaburan kepada pelanggan sebagai bukti penyertaan aktiviti pelaburan patuh <i>Syara'</i> .



4	Bank atau Institusi Kewangan akan melaburkan deposit tersebut ke dalam pelaburan patuh Syara'.
5	Bank atau Institusi Kewangan akan mengumpulkan apa-apa pulangan dari pelaburan tersebut.
6	<ul style="list-style-type: none"> (a) Jika pulangan sebenar lebih tinggi dari jangkaan pulangan, maka Bank atau Institusi Kewangan akan menerima upah <i>Wakalah</i>. Pemegang sijil atau pelanggan boleh memberikan lebihan pulangan daripada pelaburan kepada Bank atau Institusi Kewangan sebagai upah prestasi. (b) Jika pulangan sebenar lebih rendah dari jangkaan pulangan, maka Bank atau Institusi Kewangan hanya akan menerima upah <i>Wakalah</i>.
7	<p>Pada tarikh matang:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Pemegang sijil atau pelanggan akan menebus sijil mereka dan Bank atau Institusi Kewangan akan membayar jumlah deposit dan pulangan. Lebihan pulangan akan disimpan oleh Bank atau Institusi Kewangan sebagai upah prestasi. (b) Pemegang sijil atau pelanggan akan menebus sijil mereka dan Bank atau Institusi Kewangan akan membayar jumlah deposit dan pulangan.



LAMPIRAN 6: TABARRU', MUDHARABAH, DAN WAKALAH





Bil.	Keterangan
1	Sumbangan diterima daripada peserta setelah bersetuju untuk menyertai produk takaful dan menerima borang yang lengkap. Selanjutnya, peserta akan melantik pengendali takaful sebagai <i>Wakeel</i> untuk menguruskan sumbangan tersebut.
2	Pengendali takaful selaku <i>Wakeel</i> berhak menerima upah <i>Wakalah</i> iaitu satu jumlah yang diambil daripada sumbangan takaful.
3	Upah <i>Wakalah</i> akan dikreditkan ke dalam Dana Pemegang seaham.
4	Upah <i>Wakalah</i> akan digunakan bagi menampung perbelanjaan pengurusan.
5	Lebihan sumbangan selepas ditolak upah <i>Wakalah</i> akan dibahagikan kepada dua, iaitu akaun peserta (perenggan 5) dan Dana Risiko Peserta (perenggan 10).
6	Akaun peserta adalah akaun simpanan peserta bagi tujuan simpanan. Dengan menggunakan kontrak <i>Mudharabah</i> , peserta selaku <i>Rabbul Mal</i> dan pengendali takaful akan bertindak selaku <i>Mudharib</i> akan membuat pelaburan patuh <i>Syara'</i> .
7	Pelaburan tersebut akan memberikan keuntungan (jika ada).
8 dan 9	Mana-mana pulangan daripada aktiviti pelaburan akan dikongsi di antara peserta dan pengendali takaful berdasarkan peratus yang dipersetujui awal.
10	Peratus tertentu daripada akaun peserta akan dikreditkan kepada Dana Risiko Peserta bagi tujuan <i>Tabarru'</i> .
11	Dana Risiko Peserta akan dilaburkan di dalam pelaburan patuh <i>Syara'</i> dan mana-mana keuntungan akan dikreditkan semula ke dalam dana tersebut.
12	Dana risiko peserta akan digunakan bagi menjalankan operasi takaful seperti pembayaran tuntutan, rizab, retakaful dan lain-lain perbelanjaan takaful.



13	Semua perbelanjaan di perenggan [12] di atas akan ditolak daripada Dana Risiko Peserta untuk menentukan lebihan bersih [jika ada].
14	Peserta boleh memberi lebihan pulangan kepada pengendali takaful sebagai upah prestasi dalam menguruskan Dana Risiko Peserta.